


Bunga kertas berasal dari Amerika Selatan

Pokok bunga kertas atau Bougainvillea antara tanaman hiasan tropika populer. Ia mempunyai bunga berwarna-warni dan berkembang sepanjang tahun.

Tanaman menarik ini berasal dari Amerika Selatan terutama Brazil, Peru dan Argentina. Ia mendapat nama sempena Komander Laut Perancis, Louis Antoine de Bougainville yang menemui bunga itu pada 1768.



MS2



HATI GAYA PENGEMBARA

Rekaan selesa bercirikan urban untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak »22-23



Dandan lelaki

Pastikan wajah kemas dan bersih supaya cantik dipandang »12



Teratak ala Inggeris Setiap sudut rumah berseri dengan hiasan menarik »2

DEKOTAMAN



SERLAH GAYA *pengembara* moden

Rangkaian pakaian jalanan direka khusus untuk si penjelajah bercirikan urban



Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@mediaprima.com.my

Rekaannya selama ini dikaitkan dengan aspek kelelahan terutama apabila kerap menampilkan gaya lasak yang sesuai untuk aktiviti luar.

Namun ada juga kalangan wanita yang gemar menyarungkan helaian jenama maskulin ini atas faktor utiliti dan selesa kala melakukan aktiviti kembara.

Seiring dengan musim percutian hujung tahun ini, Jeep Spirit kembali dengan koleksi jalanan yang direka khusus untuk si pengembara.

Dengan bertemakan Rugged Nomad yang menyerlahkan gaya pengembara moden, koleksi ini lebih bercirikan urban dan fleksibel tanpa mengeneipkan fungsinya.

Himpunan untuk wanita dipertingkatkan dengan penggunaan fabrik berbeza pada seluar kargo skinny sementara celana jeans direka mengikut po-

tongan feminin.

Kemeja-T kolar bulat dan kemeja polo pula ditonjolkan dalam cetakan corak serta rona yang lebih segar. Helaian kemeja dan gaun korduroi dihiasi corak bunga dalam rona alam semula jadi antaranya biru, merah, kuning dan kuning air.

Kemeja chambray tidak ketinggalan diketengahkan dengan fabrik serta potongan santai manakala helaian asas seperti jeggging boleh didapati dalam rona biasa seperti biru, perang dan hitam yang ringkas dipadankan bersama kemeja-T labuh.

Untuk rangkaian pakaian lelaki, rekaan serta potongan sama dikekalkan tapi disuntik rona paduan blok warna seperti jingga, biru kelasi, perang dan kelabu.

Rangkaian kemeja-T dihasilkan dalam warna putih, coklat dan kelabu arang manakala polo-T klasik direka dengan warna asas yang menonjol selain diberi sentuhan vintaj dalam jalaran minimum.

Koleksi Rugged Nomad ini turut memperkenalkan kemeja chambray sementara rekaan jaket ala tentera pula diberi nafas baru dengan fabrik lebih ringan untuk keselesaan maksimum kala mengembara dalam cuaca panas.

Menariknya, koleksi ini tidak menggetepikan keperluan kembara si kecil. Jeep Kids mempersembahkan rekaan penuh warna-warni, sporty dan santai untuk lelaki dan perempuan.

Kemeja-T sememangnya menjadi asas dalam rekaan Jeep untuk si dewasa lalu diterjemahkan ke versi mini bagi kanak-kanak.

Fabriknya lebih ringan tapi masih bercirikan rekaan tahan lasak dan fleksibel. Idea padu-padan bersama seluar pendek kargo dan jeans nyata melengkapkan lagi penampilan keseluruhan si cilik.

Gaun korduroi tampak manis digayakan si gadis bersama but sementara denim ringan menyerlahkan sisi kasual si lelaki.



1 - CITRA nipis dengan rona terang serlahkan gaya pengembara urban.

2 - REKAAN santai untuk lelaki dikekalkan namun diberi sentuhan vintaj dan maskulin.

3 - ILHAM padu-padan cetuskan gaya menarik dan santai.

4 - PADANAN jaket denim dengan blaus cetakan flora tonjolkan gaya lebih kasual.

5 - JEEP Spirit perkenalkan koleksi Rugged Nomad sempena musim cuti hujung tahun ini.

6 - KOLEKSI Rugged Nomad pamerkan gaya pengembara moden dan bercirikan fleksibel.

7-8 - ANTARA helaian menarik untuk kanak-kanak.

9 - GAUN korduroi manis digayakan si cilik bersama padanan kasut but.